

02/09/1997

Pindaan TSM ke Kabinet bulan depan

KUALA LUMPUR, Isnin - Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi akan mengemukakan cadangan pindaan undang-undang supaya Tanah Simpanan Melayu (TSM) boleh dimajukan termasuk oleh bukan Melayu, kepada Kabinet, sebulan lagi.

Menterinya, Datuk Osu Sukam, yang memberi jaminan dasar itu lebih banyak memberi keuntungan kepada orang Melayu, berkata cadangan itu masih dikaji dan akan dirujuk kepada Majlis Tanah Negara (MTN) secepat mungkin.

"Kementerian akan mengemukakan perkara itu kepada Kabinet dalam tempoh sebulan lagi. Kita akan umumkan kemudian," katanya ketika dihubungi.

Isu memajukan TSM mula ditimbulkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dalam Perhimpunan Agung Umno tahun lalu, yang menurutnya tanah rizab itu tidak membawa sebarang makna kepada orang Melayu jika ia tidak boleh dimajukan.

Sehingga 1 Januari 1995, jumlah keluasan tanah rizab Melayu ialah 4.4 juta hektar. Kawasan tanah rizab Melayu terbesar dan mempunyai nilai tertinggi ialah Kampung Baru, berkeluasan 96.7 hektar di kawasan segi tiga emas di Kuala Lumpur. Bagaimanapun, sehingga kini ia tidak dibangunkan secara teratur berikutan pelbagai masalah termasuk status TSMnya.

Baru-baru ini, Timbalan Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, Datuk Dr Goh Cheng Teik memberitahu persidangan Parti Gerakan, dalam membangunkan TSM nanti, bukan Melayu akan diberi pilihan untuk menyewa TSM bagi tempoh maksimum 30 tahun.

Peraturan sekarang yang mengehadkan TSM boleh disewa untuk tiga tahun tidak mampu menarik minat pelabur terutama bukan Melayu.

Osu berkata, kementeriannya yang dipertanggungjawab mengkaji perkara itu mendapati kandungan dasar berkenaan banyak memberi manfaat kepada orang Melayu.

"Kandungan dasar itu bukan saja dapat mempertahankan tanah rizab Melayu, malah orang Melayu memperolehi pelbagai manfaat lain jika ia dilaksanakan," katanya.

Ditanya mengenai hartanah hak milik orang Melayu yang dikatakan semakin berkurangan di bandar besar di seluruh negara, Osu berkata, adalah tidak salah orang Melayu menjual hak milik mereka semata-mata untuk mencari tanah di kawasan lain yang lebih murah dan luas.

(END)